

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

24 OGOS 2026

TM. 198/2026

TRANSNUSA LANCAR PENERBANGAN SULUNG DARI LAMPUNG KE KUALA LUMPUR, PACU PERTUMBUHAN PELANCONGAN SERANTAU

SEPANG – Tourism Malaysia, dengan kerjasama TransNusa Airlines dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), menyambut ketibaan penerbangan terus sulung yang menghubungkan Lampung, Indonesia (TKG) dan Kuala Lumpur (KUL) hari ini sekali gus menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha memperkukuh ketersambungan serantau sempena Kempen Melawat Malaysia 2026–2027 (VM2026–2027).

Penerbangan TransNusa Airlines ini telah selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (Terminal 1) pada jam 2.25 petang waktu tempatan. Penerbangan ini turut membawa Gabenor Wilayah Lampung, Bapak Rahmat Mirzani Djausal selaku tetamu kehormat. Laluan baharu ini menggunakan pesawat C909 berkapasiti 95 tempat duduk (kelas ekonomi) dengan kekerapan penerbangan sebanyak tujuh kali seminggu. Laluan penerbangan ini dapat meningkatkan akses perjalanan antara Indonesia dengan Malaysia, selain membuka peluang baharu dalam sektor pelancongan, perdagangan dan kerjasama ekonomi.

Majlis sambutan ketibaan penerbangan sulung tersebut telah dihadiri oleh YBrs. Encik Lee Thai Hung, Timbalan Ketua Pengarah (Promosi II) Tourism Malaysia; YBhg. Dato' Bernard Francis, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TransNusa dan YBrs. Encik Abd Hasman Abd Muhimin, Pengurus Besar Kanan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

Pembukaan laluan baharu ini dijangka memudahkan penduduk Wilayah Lampung berkunjung ke Malaysia bagi pelbagai tujuan termasuk percutian, membeli-belah, pelancongan perubatan, pendidikan, urusan perniagaan serta mengunjungi keluarga dan sahabat handai, seterusnya memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di Asia seiring dengan kempen VM2026–2027.

YBrs. Encik Lee Thai Hung berkata, "Tourism Malaysia yakin bahawa dengan adanya perkhidmatan penerbangan terus ini, ia akan membuka lebih banyak peluang kerjasama strategik antara pemain industri pelancongan di antara kedua-dua negara. Selain itu, ia juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan jumlah ketibaan pelawat dari Wilayah Lampung ke Malaysia. Dengan tempoh perjalanan yang lebih singkat dan akses yang lebih mudah, Malaysia berpotensi menjadi destinasi utama pelawat dari Lampung yang mencari pengalaman percutian yang menawarkan

kepelbagaian budaya, keindahan alam semula jadi, pengalaman gastronomi bertaraf dunia, pusat beli-belah moden serta pelbagai tarikan mesra keluarga.”

Mengulas pencapaian bersejarah ini, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TransNusa, YBhg. Dato’ Bernard Francis, berkata bahawa kejayaan penerbangan sulung berjadual antara Lampung–Kuala Lumpur ini menandakan satu lembaran baharu dalam usaha pengembangan rangkaian TransNusa Airlines. Laluan ini menawarkan kemudahan perjalanan yang belum pernah dinikmati oleh para pelawat sebelum ini, khususnya mereka yang ingin menikmati keindahan alam semula jadi Lampung serta pesona pantai dan lautnya yang memukau.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2026, Malaysia merekodkan 21.1 juta ketibaan pelawat antarabangsa, iaitu peningkatan sebanyak 2.5 peratus berbanding 20.6 juta dalam tempoh sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh usaha berterusan Tourism Malaysia untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia, khususnya dalam kalangan pelawat dari Indonesia.

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026-2027), dengan tempoh kempen dilanjutkan ke 2027, menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:



Rizal Mas

Timbalan Pengarah
Bahagian Promosi Antarabangsa
(Asia Tenggara)
rizal@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8253

Norshariza Mohd Saad

Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
norshariza@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8775

